

SOALAN LAZIM
PERADUAN TERBANG TINGGI CHALLENGE

1. **Soalan:**
Apakah **Peraduan Terbang Tinggi Challenge**?

Jawapan:

Peraduan Terbang Tinggi Challenge bertujuan untuk memperkasakan budaya menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan muda. Justeru, PTPTN memperkenalkan satu cabaran TikTok bertemakan lagu rasmi Simpan SSPN iaitu “Terbang Tinggi”.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** ini bermula pada **15 September 2025 sehingga 31 Oktober 2025**

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai **Peraduan Terbang Tinggi Challenge**?

Jawapan:

Terdiri daripada warganegara Malaysia. Peraduan ini **TIDAK LAYAK** disrta oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak)

4. **Soalan:**
Bagaimanakah cara penyertaan **Peraduan Terbang Tinggi Challenge**?

Jawapan:

- i. Peserta hendaklah menghasilkan video yang kreatif dalam bentuk lakonan, nyanyian, transisi, sketsa lawak atau apa saja yang menggambarkan impian tinggi dan semangat penabungan di Simpan SSPN.
- ii. Durasi video mestilah tidak melebihi 3 minit.
- iii. Peserta hendaklah menggunakan lagu “Terbang Tinggi” yang telah dimuat naik di TikTok rasmi PTPTN @PTPTNOfficial.
- iv. Peserta perlu muat naik video ke akaun TikTok berserta hashtag #TerbangTinggiChallenge, #BMS2025 dan #SimpanSSPN serta perlu memastikan profil akaun media sosial ditetapkan kepada mod *Public*.
- v. Peserta perlu tag akaun rasmi media sosial PTPTN, @PTPTNOfficial.
- vi. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 31 Oktober 2025, jam 11:59 malam.**
- vii. Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/TerbangTinggiChallenge> **selewat-lewatnya 31 Oktober 2025, jam 11:59 malam.**

5. Soalan:

Apakah peraturan tambahan bagi **Peraduan Terbang Tinggi Challenge**?

Jawapan:

- i. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.
- ii. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
- iii. Sekiranya terdapat *props*, poster atau bahan visual yang berkaitan PTPTN digunakan dalam kandungan video, hendaklah menampilkan logo rasmi Simpan SSPN atau PTPTN yang terkini. Penggunaan logo versi lama atau tidak rasmi **tidak dibenarkan**.
- iv. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
- v. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain.
- vi. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

6. Soalan:

Bagaimanakah pemilihan pemenang **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** dibuat?

Jawapan:

- i. Pemenang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
 - Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
 - Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
 - Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
 - Tahap keterlibatan (*engagement*) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi – sebagai nilai tambah kepada penilaian.
- ii. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat- menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau cubaan mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

7. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** ini?

Jawapan:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Pertama	3,500.00	1
Kedua	2,000.00	1
Ketiga	1,000.00	1
Saguhati	500.00	27

8. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

9. Soalan:

Bilakah hadiah tunai **Peraduan Terbang Tinggi Challenge** akan dikreditkan ke akaun pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre- opening**.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Peraduan Terbang Tinggi Challenge*

Maklumat dikemaskini pada 10 September 2025